



**KENYATAAN AKHBAR**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
**SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, CHIKUNGUNYA DAN ZIKA DI**  
**MALAYSIA**

(Bagi Minggu 41/2017 dari 8 hingga 14 Oktober 2017)

Secara keseluruhannya, terdapat tren penurunan kes Denggi berlaku sejak awal bulan Ogos. Sebanyak 1,141 kes Demam Denggi telah dicatatkan dari 8 hingga 14 Oktober 2017, menurun sebanyak 53 kes (4.4%) berbanding 1,194 kes pada minggu sebelumnya. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes Denggi yang direkodkan sehingga 14 Oktober 2017 ialah sebanyak 72,782 kes berbanding 86,428 kes bagi tempoh yang sama tahun 2016, iaitu penurunan sebanyak 13,646 kes (15.8%).

Tiada kes kematian yang direkodkan pada tempoh yang sama seperti mana minggu sebelumnya. Oleh itu, jumlah kumulatif kematian Denggi adalah kekal sebanyak 159 kematian, berbanding 193 kematian dilaporkan pada tahun 2016 bagi tempoh yang sama. Walaupun mengalami pengurangan sebanyak 34 kes (17.6%), Kementerian Kesihatan Malaysia tetap mahu masyarakat terus meningkatkan lagi aktiviti pencegahan dan kawalan denggi di kawasan kediaman masing-masing.

Sepanjang 8 hingga 14 Oktober 2017, sejumlah 376 lokaliti wabak Demam Denggi masih aktif dilaporkan termasuk 34 lokaliti hotspot semasa yang dilaporkan melibatkan lima (5) buah negeri iaitu 23 lokaliti di Selangor,



masing-masing tiga (3) lokaliti di WP Kuala Lumpur & Putrajaya, Johor serta Sabah, dan dua (2) lokaliti di Perak.

Terdapat dua (2) kes Chikungunya yang dilaporkan untuk tempoh yang sama. Jumlah kumulatif kes Chikungunya yang direkodkan pada tahun 2017 sehingga 14 Oktober 2017 adalah sebanyak 262 kes iaitu 190 kes dari Kedah, 33 kes dari Selangor, 24 kes dari Johor, 12 kes dari Kelantan, dua (2) kes dari Perak dan satu (1) kes dari Sarawak. Pemeriksaan oleh Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK) dan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) ke atas 1,718 sampel darah dan 31 sampel air kencing di kalangan pesakit yang menunjukkan gejala jangkitan virus Zika adalah semuanya didapati negatif.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bersama Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) telah berjaya melaksanakan Gotong-Royong Merdeka 2017 dengan tema “Negeraku Sehati Sejiwa – Sihat dan Bersih” dari 16 Ogos 2017 sehingga 30 September 2017. Untuk tempoh tersebut, sebanyak 762 gotong-royong telah dilakukan oleh pasukan COMBI, 376 gotong-royong oleh KRT dan 36 gotong-royong oleh PBT, menjadikan jumlah keseluruhan aktiviti adalah sebanyak 1,174 gotong-royong. Aktiviti pembersihan persekitaran sedemikian merupakan antara penyumbang kepada penurunan kes Denggi yang berlaku sejak 10 minggu yang lepas di mana kewujudan tempat pembiakan Aedes dapat dimusnahkan.

**Tiada Aedes, Tiada Denggi, Chikungunya dan Zika.**



**DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH**

Ketua Pengarah Kesihatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia

**16 Oktober 2017**



**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 41/2017  
(8 hingga 14 Oktober 2017)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian dilaporkan				Jumlah Terkumpul Kes Denggi Sehingga Minggu 41/2017		Jumlah Terkumpul Kes Denggi Sehingga Minggu 41/2016	
		Minggu 40 (8 – 14 Okt 2017)		Minggu 40 (1 – 7 Okt 2017)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Mati	Kes	Mati				
1	Perlis	0	0	1	0	163	0	145	1
2	Kedah	11	0	19	0	1,271	4	785	2
3	P. Pinang	53	0	49	0	2,024	13	2,261	12
4	Perak	43	0	49	0	4,930	11	3,026	9
5	Selangor	618	0	613	0	39,651	59	44,759	66
6	WP KL & Putrajaya	107	0	123	0	7,386	19	7,320	16
7	N. Sembilan	25	0	30	0	2,799	11	2,305	23
8	Melaka	24	0	26	0	1,216	1	1,923	6
9	Johor	118	0	128	0	6,594	23	9,589	19
10	Pahang	33	0	44	0	1,453	5	2,262	7
11	Terengganu	2	0	1	0	250	1	1,849	15
12	Kelantan	26	0	21	0	2,314	2	4,947	9
13	Sarawak	13	0	14	0	801	4	2,250	6
14	Sabah	64	0	76	0	1,859	6	2,997	2
15	WP Labuan	4	0	0	0	71	0	10	0
	<b>MALAYSIA</b>	<b>1,141</b>	<b>0</b>	<b>1,194</b>	<b>0</b>	<b>72,782</b>	<b>159</b>	<b>86,428</b>	<b>193</b>

\* Sumber : Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan

Lampiran B

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 41/2017  
(8 hingga 14 Oktober 2017)**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Pusat Komersial A : Jln Aa 7/Aa - Ac 7/Ac, T 7/T - Z 7/Z)	118	151
2	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 7/5 Seksyen 7 Bandar Baru Bangi	45	82
3	SABAH	Tuaran	Taman Sri Rugading	37	66
4	SELANGOR	Petaling	Tmn Serdang Perdana Psrn Perdana (One South)	24	66
5	SELANGOR	Petaling	Seksyen 9 ( Kondo Sri Mahligai & Town House Sri Mahligai )	13	64
6	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Desa Surada	23	64
7	SELANGOR	Petaling	Seksyen U20 ( Fasa 1b Bbsb : Jln 1b/1 - 1d/5 )	15	62
8	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Taman Kajang Sentral	8	59
9	SELANGOR	Hulu Langat	Kampung Baru Sungai Chua	8	55
10	SELANGOR	Petaling	Tmn Sri Serdang 2 (Jln 18/8-18/28 & Flat)	14	55
11	SELANGOR	Petaling	Bl Pju 10 Apt Permai	21	50
12	SABAH	Tuaran	Taman Telipok Ria	8	49
13	WPKL	Cheras	Flat Sri Penara	13	47

14	WPKL	Cheras	Ppr Desa Tun Razak	11	47
15	WPKL	Cheras	Bdr Sri Permaisuri (Cengal Kondo)	19	44
16	SELANGOR	Kuala Langat	Taman Sri Muhibbah	13	44
17	SELANGOR	Klang	B.B.T Flat Jalan Batu Nilam 34	13	39
18	SELANGOR	Petaling	Kg Bukit Lanchong (Lorong Haruan)	11	39
19	PERAK	Kinta	Tmn Musim Bunga	18	38
20	SELANGOR	Petaling	Seksyen 6 (Flat A : Blok 3 - 8)	9	38
21	SELANGOR	Petaling	Seksyen 16 ( Flat C : Blok 17 - 26 )	20	37
22	SELANGOR	Klang	Taman Klang Perdana ( Jln Klang Perdana 2 )	8	37
23	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Bukit Permai 1-5 Taman Bukit Permai	9	36
24	SELANGOR	Petaling	Tm Pjs 2d Flat Desa Mentari ( Blok 11 )	10	36
25	SELANGOR	Kuala Langat	Taman Delima	11	36
26	SELANGOR	Petaling	Sri Pjs 8 Mentari Court	5	34
27	SELANGOR	Klang	Kg Sg Udang (Lot 17123)	6	34
28	JOHOR	Johor Bharu	Flat Laman Tasik	6	34
29	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Cendana_Zon 1	11	34
30	SABAH	Tawau	Ib17 Ice Box Blok 5	9	33
31	SELANGOR	Gombak	Au1a Tmn Keramat	14	32

32	SELANGOR	Petaling	Seksyen 13 ( Pangsapuri Perdana )	11	31
33	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Mawar_ Jln Mawar 46 - 61	6	31
34	PERAK	Kinta	Fair Park	11	31